

 <p>MDBG</p>	JABATAN PELESENAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, JALAN HAJI ABDUL WAHAB, 31000 BATU GAJAH.						
	SYARAT – SYARAT PERUSAHAAN SARANG BURUNG WALET						
	Syarat-Syarat/JP-MDBG/BW	<table border="1"> <tr> <td>No. Telefon</td> <td>05-3632020-3632030</td> </tr> <tr> <td>No. Fax</td> <td>05-3665930</td> </tr> <tr> <td>E-mail</td> <td>pelesenan@mdbg.gov.my</td> </tr> </table>	No. Telefon	05-3632020-3632030	No. Fax	05-3665930	E-mail
No. Telefon	05-3632020-3632030						
No. Fax	05-3665930						
E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my						

1. Bunyi dari corong pembesar suara tidak melebihi **40 desibel** diukur 6 meter dari dinding luar bangunan.
2. Corong suara ajuk bunyi hendaklah dicondongkan menghadap langit pada sudut sekurang-kurangnya **60 darjah** dari dasar lantai.
3. Tempoh masa untuk penggunaan pembesar suara adalah dihadkan antara :-
 - a) **07.00 pagi hingga 10.00 pagi dan ;**
 - b) **05.00 petang hingga 08.00 malam**
4. Semasa menjalankan perniagaan tidak boleh membuat atau menyebabkan bunyi bising, bau busuk, pembiakan nyamuk, lalat dan lain-lain jenis serangga yang merupakan kacauganggu.
5. Air tidak boleh bertakung diatas lantai atau di dalam apa-apa takungan tanpa kawalan. Hanya alat *humidifier* dibenarkan.
6. Najis burung (guano) mesti dipungut selalu dan jangan dibiarkan menimbun. Ianya boleh dijadikan tempat biaknya parasit yang boleh membawa penyakit. Guano perlu diperiksa untuk parasit luar. Jika terdapat sebarang parasit ianya perlu dibasmi dan guano dilupuskan mengikut garis panduan GAHP.
7. Mengambil langkah untuk memastikan terdapatnya ganti udara yang cukup dan hendaklah menyebabkan tiap-tiap ganti udara itu dijaga dalam keadaan baik dan boleh digunakan di tempat itu sehingga memuaskan hati Yang Dipertua.
8. Semua premis burung walit mesti dibersihkan dan dinyahkuman menggunakan ubat pembasmi kuman yang disyorkan sekurang-kurangnya sekali seminggu. Alat pembersih dan disinfektan yang dipilih mesti berdasarkan kesesuaiannya, keselamatan dan efektif (pastikan disinfektan tidak bahaya pada burung walit dan telurnya).
9. Mendapatkan kelulusan pindaan bangunan daripada Jabatan Bangunan MDBG jika terdapat pindaan dan bangunan asal dan sebarang pengubahsuaian bangunan yang melibatkan struktur perlu ada pengesahan dari Jurutera Perunding.
10. Mematuhi syarat berkaitan kelulusan bangunan bagi tujuan premis walet yang ditetapkan dimana bangunan hendaklah dilepa simen dan dicat.
11. Setiap pemegang lesen hendaklah sentiasa mempamerkan salinan lesennya pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat di premis yang dilesenkan itu dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa.
12. Mana-mana pemegang lesen yang tidak mempamerkan atau gagal mengemukakan lesen apabila diminta berbuat demikian oleh pegawai yang diberikuasa adalah melakukan satu kesalahan.
13. Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi.

**ARAHAN : YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH.**